

DASAR PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI (MPP)

1.0 Definisi

Merupakan peraturan atau polisi yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh warga Universiti untuk menjalankan proses perwakilan pelajar UMP yang terdiri daripada wakil pelajar seperti yang termaktub di dalam Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU).

2.0 Latar Belakang

2.1 Mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang subseksyen 57(3) menyebut bahawa kesatuan hendaklah memilih satu Majlis Perwakilan Pelajar (disebut MPP) mengikut cara yang berikut :

- a) Pelajar berdaftar setiap kampus cawangan, fakulti, sekolah, pusat, akdemi dan institute hendaklah memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh Ketua Kampus atau Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akdemi atau Institut mengikut mana-mana berkenaan untuk menjadi wakil MPP sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan
- b) Pelajar berdaftar keseluruhan hendaklah memilih undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu.

3.0 Objektif

- 3.1 Menyuburkan amalan demokrasi di kalangan mahasiswa di peringkat Universiti.
- 3.2 Melantik wakil mahasiswa untuk menganggotai kabinet MPP UMP pada sesi pengajian semasa.
- 3.3 Merupakan medium perantara mahasiswa dengan Pengurusan Universiti bagi mengutarakan pendapat dan pandangan berkaitan isu kebajikan pelajar.

4.0 Cadangan

- 4.1 Jenis Pembiayaan
Tabung Mengurus/ Tabung Amanah Aktiviti Pelajar
- 4.2 Syarat
- i) Pelajar berdaftar UMP hendaklah menjadi satu badan yang dinamakan persatuan pelajar Universiti, yang kemudiannya disebut Majlis Perwakilan Pelajar UMP dan hendaklah dipilih dengan undi rahsia yang kesemuanya disediakan oleh Universiti Malaysia Pahang (Tatacara dan Peraturan Pemilihan MPP UMP).
 - ii) Medium pengundian adalah secara atas talian '**Sistem e-voting**' melalui undi rahsia.
 - iii) Pelajar berdaftar Universiti dan telah memasuki peperiksaan yang pertama dan tidak pernah diambil tindakan tatatertib adalah layak dipilih sebagai ahli MPP.
 - iv) Penetapan jumlah kerusi yang bertanding tertakluk kepada Naib Canselor UMP termaktub dalam AUKU.
 - v) Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP berhak membatalkan pencalonan mana-mana calon yang didapati menyalahi mana-mana tatacara dan peraturan pemilihan MPP.
- 4.3 Kelayakan
Kelayakan adalah berdasarkan Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP mengikut sesi pengajian semasa.
- 4.4 Pembiayaan
Berdasarkan keperluan dan kelulusan Naib Canselor
- 4.5 Perbandingan
Tiada